

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1971

PEMBERIAN MILIK TANAH SECARA BERKUMPUL (BLOCK ALIENATION)

Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bahawa pemberian milik tanah kepada rakyat yang memerlukan tanah hendaklah ditambah dengan satu lagi cara iaitu dengan secara berkumpul (Block Alienation). Cara ini tidak membatalkan cara-cara yang sedia ada berjalan dalam negeri pada masa ini tetapi ianya hendaklah diberi keutamaan daripada cara-cara yang dahulu itu. Ini bermakna bahawa mana-mana Jajahan yang ada tanah kerajaan yang memenuhi syarat-syarat dalam peraturan pengeluaran tanah berkumpul ini hendaklah memberi keutamaan dan menumpukan sebahagian besar dari tenaga dan peruntukan wang kepada kerja-kerja membuka kawasan-kawasan itu.

2. Syarat dan peraturan-peraturan memberi milik tanah secara berkumpul ini, bagaimana yang dikembarkan kepada pengedaran ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh semua pemungut-pemungut hasil tanah yang melaksanakannya. Untuk mengelakkan kekeliruan sukacitanya saya menjelaskann dua perkara yang terkandung dalam lampiran ini bagaimana berikut :-

- (a) Syarat-syarat yang disebut di dalam perenggan 9 ialah contoh bagi tanah getah sahaja. Bagi tanah- tanah yang kegunaannya selain daripada getah maka syarat-syarat yang sewajarnya hendaklah dimasukkan;

- (b) Syarat di perenggan (12 (f) ialah bermaksud supaya keutamaan ini diberikan kepada setiap katogari pemohon umpamanya jika ada 10 orang pemohon yang terjumlah kepada katogari (a) maka pemohon-pemohon memenuhi syarat 12(f) hendaklah diberi keutamaan terlebih dahulu dan begitulah seteusnya bagi pemohon-pemohon di dalam katogari (b), (c), (d) dan (e).

t.t
(Akasah bin H.A. Rahman)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 22HB. JULAI, 1971

PTG.KN. 88/60/(46)

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN MEMBERI MILIK TANAH SECARA BERKUMPUL

MEMILIH KAWASAN

1. Pemungut setelah berunding dengan Pegawai Tanah Jajahan dan dengan kerjasama Penggawa dan Penghulu hendaklah menentukan kawasan-kawasan tanah kerajaan dalam jajahan yang hendak diberi milik secara berkumpul;
2. Pemilihan kawasan-kawasan yang dikehendaki diberimilik secara berkumpul ini hendaklah menimbang kehendak-kehendak tempatan dengan keutamaan kepada :-
 - (a) Tanah-tanah yang masih belum dicerobohi yang mengelilingi atau yang berhampiran dengan kawasan-kawasan yang telah diperintah haram (kelulusan tiap-tiap kawasan terpulang kepada kehendak rakyat :- kawasan-kawasan kecil 10 aau 20 ekar pun boleh dijadikan kawasan 'Block Alienation')
 - (b) Tanah-tanah kerajaan yang belum dicerobohi tetapi sedang diminta atau diketahui ada orang yang bercadang hendak mencerobohi;
 - (c) Kawasan-kawasan tanah kerajaan berhampiran dengan kampung-kampung.
3. Pemungut hendaklah juga menentukan kesesuaian tanah itu dengan berpandukan kepada peta jenis-jenis tanah (Land Capability Map) serta Kertas Mesyuarat Tanah Negara bilangan 8 (berkenaan dengan curam tanah);

4. Bagi tanah yang menjadi sebahagian daripada kawasan tanah kerajaan yang luasnya lebih daripada 1000 ekar, pemungut hendaklah mengambil tindakan seperti berikut :-

(a) Mendapatkan clearance daripada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri;

(b) mendapatkan clearance daripada Jabatan Galian (dan daripada Jabatan Pertanian juga, jika difikirkan perlu)

MEMPELAWA PERMOHONAN

5. Setelah mendapat semua clearance, pemungut hendaklah mengisytiharkan satu kenyataan mempelawa permohonan-permohonan bagi mendapatkan tanah dalam satu-satu kawasan serta menyatakan tarikh permohonan ditutup.

6. Semua permohonan awal hendaklah menggunakan borang bagaimana contoh Lampiran 'A1'. Borang-borang ini perlu disediakan lebih awal lagi dan dibahagikan kepada Penggawa dan Penghulu-penghulu berkenaan.

MENYEDIAKAN PLAN LAY-OUT

7. Dalam menjalankan tindakan mempelawa permohonan-permohonan dan memilih pemohon-pemohon, pemungut hendaklah menyediakan plan lay out menunjukkan lot-lot yang luasnya berdasarkan kepada "economic holding". Rizab-rizab jalan dalam kawasan hendaklah selebar 40' sekurang-kurangnya manakala jalan-jalan menyambung ke jalan raya atau jalan keretapi hendaklah selebar 1 rantai, bagi kawasan-kawasan berbukit, pemungut dinasihatkan meminta bantuan Pegawai Ukur Jajahan untuk menyediakan plan lay-out itu khasnya untuk menentukan kedudukan

rezab-rezab jalan supaya jalan itu tidak terlalu curam. Plan lay out ini perlu disempurnakan sebelum tindakan memilih pemohon-pemohon dijalankan.

MENGUKUR TANAH

8. Kerja mengukur (demarcate) kawasan-kawasan itu menurut plan lay out yang disediakan hendaklah dilaksanakan serta diatur supaya pemohon-pemohon yang berjaya dapat ditunjukkan lot masing-masing tidak lewt dari 2 minggu dar tarikh selesai kerja mengukur itu supaya rentis-rentis dan tanda-tanda sempadan masih dapat dilihat dengan terang.

MENENTUKAN SYARAT-SYARAT PENGELUARAN HAKMILIK

(Tanaman getah)

9. Pemungut hendaklah menetapkan syarat-syarat dan bayaran-bayaran pengeluaran hak milik dengan berpandukan kepada Kaedah Tanah dan syarat nyata seperti berikut :-

- (i) tanah yang terkandung boleh dalam hakmilik ini boleh digunakan untuk tanaman getah.
- (ii) Pokok-pokok lain boleh juga ditanam di atas tanah ini dengan syarat tuan rumah hendaklah terlebih dahulu memberitahu Pemungut Hasil Tanah akan pertukaran jenis tanaman itu serta keluasannya.
- (iii) Tidak melebihi dari sepersepuluh daripada tanah ini boleh digunakan untuk bangunan-bangunan yang dibenarkan oleh Sekyen 115(4) KTN.

MEMILIH PEMOHON-PEMOHON

10. Permohonan-permohonan yang diterima hendaklah dikumpulkan menurut kumpulan-kumpulan dalam perenggan 13 dan disenaraikan untuk menyenangkan pemilihan oleh Jawatankuasa Pemilih. Setelah itu ditetapkan tarikh dan masa temuduga dan pemohon-pemohon diberitahu serta diminta hadir di masa dan tarikh yang telah ditetapkan itu untuk ditemuduga. Temuduga itu pula patut diadakan di kampung di mana kebanyakan dari pemohon-pemohon itu bermastautin.

11. Temuduga akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pemilih yang dianggotai oleh :-

- | | | | |
|-------|--------------------------------------|---|-----------------|
| (i) | Pegawai Jajahan | - | Pengerusi |
| (ii) | YB. Tuan Hj. Mohd Amin b. Hj. Yaacob | - | Ahli |
| (iii) | YB. En. Wan Hassan b. Hj. W. Daud | - | Ahli |
| (iv) | Pemungut Hasil Tanah | - | Ahli/Setiausaha |
| (v) | Pegawai Pertanian Jajahan | - | Ahli |

Kedua-dua ahli yang Berhormat ini akan menjadi ahli dalam semua Jawatankuasa Pemilih Jajahan.

12. Pemilihan pemohon-pemohon hendaklah berdasarkan kepada syarat-syarat keutamaan seperti berikut :-

- (a) Pemohon yang memerlukan tanah pertanian untuk mata pencarian pada masa ini, tiada mempunyai tanah langsung dan tinggal berhampiran dengan tanah yang diminta;
- (b) Pemohon yang memerlukan tanah pertanian untuk mata pencarian pada masa ini, tidak mempunyai tanah langsung;

- (c) Pemohon memerlukan tanah pertanian untuk mata pencarian yang sudah ada tanah tapi tidak mencukupi dan tinggal berampiran dengan tanah yang diminta;
- (d) Pemohon yang memerlukan tanah pertanian untuk mata pencarian dan sudah ada tanah tetapi tidak mencukupi (tidak kira tempat tinggal);
- (e) Pemohon yang terjumlah kepada kelas C;
- (f) Keutamaan hendaklah diberi kepada pemohon-pemohon yang telah didaftar dengan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri.

13. Pemohon-pemohon yang dipilih hendaklah diuntukkan lot-lot masing-masing dengan cara undi dan diberi surat pemberitahu yang mengandungi :-

- (i) Kenyataan kejayaan permohonan mereka serta 2 salinan borang permohonan tanah Jadual 1 untuk dipenuhi dan dikembalikan segera;
- (ii) Bayaran-bayaran dan syarat-syarat pengeluaran hakmilik serta tempoh penjelasan bayaran-bayaran itu;
- (iii) Masa tarikh dan tempat mereka berkumpul untuk ditunjukkan lot masing-masing.
- (iv) Keterangan bahawa sungguh pun mereka akan ditunjukkan lot masing-masing, ini tidak bermakna bahawa lot itu menjadi milik mereka melainkan setelah mereka menjelaskan bayaran-bayaran dituntut dan diberi Hakmilik.

PEMBERIAN MILIK TANAH SECARA BERKUMPUL

KETERANGAN ATAS DIRI PEMOHON

1. Nama Penuh :
2. Alamat :
3. No.K/Pengenalan :
4. Tarikh dan Tempat Lahir :
5. Umur :
6. Pekerjaan sekarang :
7. Pekerjaan dahulu dan kemahiran khas (seperti-Penorah Getah, Tukang Gunting, Tukang Kayu dan lain-lain).
.....
8. Pendapatan sebulan :
9. Banyak Wang Simpanan :
10. Nama Isteri :
11. No.K/Pengenalan :
12. Pekerjaan :
13. Tarikh dan Tempat Lahir :
14. Bilangan anak-anak yang ditanggung :

Nama Tarikh & Tempat Lahir Umur Jantina Sekolah tidak

15. Luas tanah dimiliki oleh pemohon dan isterinya.

Jenis Hakmilik Luasnya Mukim&Negeri Tuan Tanah

16. Kesihatan pemohon dan keluarga :

17. Kenyataan yang lain-lain untuk menyokong permohonan :

.....
SAYA MENGAKU BAHAWA SEMUA KETERANGAN DI ATAS ADALAH
BETUL DAN SEKIRANYA DIDAPATI SALAH MAKA PEMUNGUT HASIL TANAH
BERHAK MEMBATALKAN PERMOHONAN SAYA.

.....
Tandatangan Pemohon